

Muat turun aplikasi cuaca

SHAH ALAM - Jabatan Meteorologi memperkenalkan aplikasi *myCuaca* bagi telefon pintar yang boleh dimuat turun oleh orang ramai untuk mendapatkan maklumat dan amaran berkaitan cuaca, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin.

"Aplikasi ini adalah bagi menepati jangkaan rakyat terhadap Jabatan Meteorologi untuk mengoptimumkan keupayaan teknologi baru dalam menyampaikan perkhidmatan berkualiti, cepat dan mudah.

"Ia berupaya memberikan maklumat ramalan cuaca harian, maklumat dan amaran cuaca, gempa bumi dan tsunami serta imej terkini bagi satelit dan radar," katanya.

Selain itu, orang ramai juga boleh mengakses maklumat cuaca melalui laman web Jabatan Meteorologi, talian hotline 1-300-22-1638 dan laman sosial Jabatan Meteorologi di Facebook <https://www.facebook.com/malaysiamet> atau Twitter <https://twitter.com/malaysiamet>.